



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

10 SEPTEMBER 2024 (SELASA)

DVS denies issuing VHC for seafood product exports to Turkiye

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Sun	Online		10 Sept

DVS denies issuing VHC for seafood product exports to Turkiye



PUTRAJAYA: The Department of Veterinary Services (DVS) has denied issuing Veterinary Health Certificates (VHC) for seafood products exported to Turkiye.

This clarification comes after Turkish authorities alerted the department to the alleged use of VHC documents bearing the DVS name and stamp, accompanying seafood products sent to the country.

“It is important to note that the powers under the Animals Act 1953 do not extend to seafood products. As such, DVS does not issue VHCs for these items. It is the responsibility of exporters to obtain the necessary health certificates from the relevant authorities,” it said in a statement today.

DVS expressed serious concern over the issue, adding that falsifying VHC documents could negatively impact the department’s and country’s reputation and international trade relations.

The department also emphasised that it would not hesitate to pursue legal action against those misusing its name and official stamp.

Anyone who committed forgery or produced false documents can be charged under Section 463 or 464 of the Penal Code.

DVS nafi keluarkan SKV bagi eksport produk makanan laut ke Turkiye

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Online		10 Sept

DVS nafi keluarkan SKV bagi eksport produk makanan laut ke Turkiye

10 September 2024 10:03amMasa membaca: 4 minit



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

PUTRAJAYA - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) nafi mengeluarkan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) bagi produk makanan laut yang dieksport ke Turkiye.

Ia susulan pemakluman daripada pihak berkuasa Turkiye kepada jabatan itu mengenai dokumen SKV yang menggunakan nama dan cap DVS mengiringi produk makanan laut ke Turkiye.

"Perlu dijelaskan bahawa peruntukan kuasa di bawah Akta Binatang 1953 tidak merangkumi produk makanan laut. Oleh itu, DVS tidak mengeluarkan SKV bagi produk ini dan adalah menjadi tanggungjawab pengeksport untuk mendapatkan sijil kesihatan daripada pihak berkuasa berkaitan," menurut DVS dalam kenyataan hari ini.

Memandang serius perkara itu, DVS menjelaskan pemalsuan dokumen SKV boleh memberi implikasi negatif kepada reputasi jabatan, negara dan hubungan dagangan antarabangsa serta menegaskan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang menyalahgunakan nama dan cap jabatan.

Mana-mana individu yang melakukan pemalsuan atau membuat dokumen palsu boleh didakwa di bawah Seksyen 463 atau 464 Kanun Keseksaan (Akta 574). - Bernama

DVS nafi keluarkan SKV bagi eksport produk makanan laut ke Turkiye

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Online		10 Sept

DVS nafi keluar SKV eksport produk makanan laut ke Turkiye



JABATAN Perkhidmatan Veterinar

Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menafikan mengeluarkan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) bagi produk makanan laut yang dieksport ke Turkiye.

Ia susulan pemakluman daripada pihak berkuasa Turkiye kepada jabatan itu mengenai dokumen SKV yang menggunakan nama dan cap DVS mengiringi produk makanan laut ke Turkiye.

"Perlu dijelaskan bahawa peruntukan kuasa di bawah Akta Binatang 1953 tidak merangkumi produk makanan laut.

"Oleh itu, DVS tidak mengeluarkan SKV bagi produk ini dan adalah menjadi tanggungjawab pengeksport untuk mendapatkan sijil kesihatan daripada pihak berkuasa berkaitan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Memandang serius perkara itu, DVS menjelaskan pemalsuan dokumen SKV boleh memberi implikasi negatif kepada reputasi jabatan, negara dan hubungan dagangan antarabangsa serta menegaskan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang menyalahgunakan nama dan cap jabatan.

Mana-mana individu yang melakukan pemalsuan atau membuat dokumen palsu boleh didakwa mengikut Seksyen 463 atau Seksyen 464 Kanun Keseksaan (Akta 574).

Eksport produk makanan laut guna nama Jabatan Perkhidmatan Veterinar palsu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Online		10 Sept

Eksport produk makanan laut guna nama Jabatan Perkhidmatan Veterinar palsu

10 September 2024, 9:28am



Oleh: Wan Zairul Azri Wan Mohammad Sudin

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang menyalahgunakan nama dan cap jabatan itu.

DVS dalam kenyataan hari ini memaklumkan, pihaknya menerima makluman daripada pihak berkuasa Turkiye mengenai dokumen Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) yang menggunakan nama dan cap DVS yang mengiringi produk makanan laut ke negara terbabit.

“Hasil siasatan mendapati bahawa SKV tersebut tidak dikeluarkan oleh DVS dan nama, cap serta tandatangan pegawai telah dipalsukan bagi tujuan pengekspornan produk makanan laut ke negara berkenaan.

“Perlu dijelaskan bahawa peruntukan kuasa di bawah Akta Binatang 1953 tidak merangkumi produk makanan laut. Oleh itu, DVS tidak mengeluarkan SKV bagi produk ini,” katanya.

Menurut DVS, adalah menjadi tanggungjawab pengeksporn untuk mendapatkan sijil kesihatan daripada pihak berkuasa yang berkaitan.

Susulan itu, DVS memandang serius perkara tersebut kerana pemalsuan dokumen SKV boleh memberi implikasi negatif kepada reputasi jabatan tersebut, negara dan hubungan dagangan antarabangsa.

“Mana-mana individu yang melakukan pemalsuan atau membuat dokumen palsu boleh didakwa di bawah Seksyen 463 atau 464 Kanun Keseksaan [Akta 574],” katanya.



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
Department Of Veterinary Services
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : pro@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

PENJELASAN MENGENAI PEMALSUAN DOKUMEN SIJIL KESIHATAN VETERINAR (SKV) UNTUK PENGEKSPORTAN PRODUK MAKANAN LAUT DARI MALAYSIA KE TURKIYE

PUTRAJAYA, 10 September 2024 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ingin memaklumkan bahawa jabatan ini telah menerima makluman daripada pihak berkuasa Turkiye mengenai dokumen Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) yang menggunakan nama dan cap DVS yang mengiringi produk makanan laut ke Turkiye.

Hasil siasatan mendapati bahawa SKV tersebut tidak dikeluarkan oleh DVS, dan nama, cap serta tandatangan pegawai telah dipalsukan bagi tujuan pengekspornan produk makanan laut ke negara berkenaan.

Perlu dijelaskan bahawa peruntukan kuasa di bawah Akta Binatang 1953 tidak merangkumi produk makanan laut. Oleh itu, DVS tidak mengeluarkan SKV bagi produk ini. Adalah menjadi tanggungjawab pengeksporn untuk mendapatkan Sijil Kesihatan daripada pihak berkuasa yang berkaitan.

DVS memandang serius perkara ini kerana pemalsuan dokumen SKV boleh memberi implikasi negatif kepada reputasi Jabatan, negara, serta hubungan dagangan antarabangsa.

DVS ingin menegaskan bahawa Jabatan ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang menyalahgunakan nama dan cap Jabatan. Mana-mana individu yang melakukan pemalsuan atau membuat dokumen palsu boleh didakwa di bawah Seksyen 463 atau 464 Kanun Keseksaan [Akta 574].

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
10 SEPTEMBER 2024

DVS nafi keluarkan SKV bagi eksport produk makanan laut ke Turkiye

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Online		10 Sept

DVS nafi keluarkan SKV bagi eksport produk makanan laut ke Turkiye



PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) nafi mengeluarkan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) bagi produk makanan laut yang dieksport ke Turkiye.

Ia susulan pemakluman daripada pihak berkuasa Turkiye kepada jabatan itu mengenai dokumen SKV yang menggunakan nama dan cap DVS mengiringi produk makanan laut ke Turkiye.

"Perlu dijelaskan bahawa peruntukan kuasa di bawah Akta Binatang 1953 tidak merangkumi produk makanan laut. Oleh itu, DVS tidak mengeluarkan SKV bagi produk ini dan adalah menjadi tanggungjawab pengeksport untuk mendapatkan sijil kesihatan daripada pihak berkuasa berkaitan," menurut DVS dalam kenyataan hari ini. Memandang serius perkara itu, DVS menjelaskan pemalsuan dokumen SKV boleh memberi implikasi negatif kepada reputasi jabatan, negara dan hubungan dagangan antarabangsa serta menegaskan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang menyalahgunakan nama dan cap jabatan.

Mana-mana individu yang melakukan pemalsuan atau membuat dokumen palsu boleh didakwa di bawah Seksyen 463 atau 464 Kanun Keseksaan (Akta 574).

-- BERNAMA

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

**UNIT KOMUNIKASI KORPERAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**